



01 JUL, 2020

Peniaga pasar tani gembira barang laris

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

Peniaga pasar tani gembira barang laris

Seremban: Kira-kira 40 peniaga Pasar Tani Ampangan, di sini lega apabila ia dibuka semalam, selepas lebih tiga bulan ditutup sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lalu.

Tinjauan mendapati suasana berubah apabila kedudukan antara gerai dijarakkan 1.5 meter seperti prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan pihak berkuasa.

Peniaga dikehendaki memakai pelitup muka dan sarung tangan manakala kanak-kanak tidak dibenarkan memasuki kawasan gerai.

Seorang anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) ditempatkan di pintu masuk bagi mengambil suhu badan pengunjung serta dikehendaki menulis nama dengan laluan masuk dan keluar dipisahkan.

Peniaga sayur kampung, Nor Aziah Ahmad, 55, berkata, dia lega apabila dapat

berniaga semula selepas empat bulan menutup perniagaan disebabkan PKP.

"Alhamdulillah, saya dapat berniaga walaupun pada hari pertama banyak barang habis dijual," katanya yang lebih 10 tahun lalu mencari makan di situ.

Peniaga kuih, Abdul Aziz Abdul Hamid, 65, turut bersyukur kerana pasar tani beroperasi semula.

Pesara tentera itu berkata, SOP tidak menjadi isu kerana ia dapat memastikan tiada kluster baharu Covid-19 dari pasar berkenaan sekali gus memastikan peniaga dan pengunjung terselamat.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Makanan negeri Bakri Sawir berkata, buat permulaan hanya satu pasar tani dibenarkan beroperasi di setiap daerah di negeri itu sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).



PENGUNJUNG Pasar Tani Ampangan memasukkan nombor giliran selepas membeli barang ke dalam kotak disediakan, semalam.



01 JUL, 2020

Peniaga pasar tani gembira barang laris

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Seremban: Kira-kira 40 peniaga Pasar Tani Ampangan, di sini lega apabila ia dibuka semalam, selepas lebih tiga bulan ditutup sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lalu. Tinjauan mendapati susunan berubah apabila kedudukan antara gerai dijarakkan 1.5 meter seperti prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan pihak berkuasa. Peniaga dikehendaki memakai pelitup muka dan sarung tangan manakala kanak-kanak tidak dibenarkan memasuki kawasan gerai.